

STRATEGI INTERAKSI SOSIAL GURU PERDANA DALAM PENGAJARAN INKLUSIF DI SEKOLAH MENENGAH

*Social Interaction Strategies of Primary Teachers in Inclusive Teaching
in Secondary Schools*

Nazrah Jamaludin* & Kama Shaffeei

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

nazrahjamaludin159@gmail.com & kama@fpm.upsi.edu.my

Published: 26 July 2023

To cite this article (APA): Jamaludin, N., & Shaffeei, K. (2023). Social Interaction Strategies of Primary Teachers in Inclusive Teaching in Secondary Schools: Strategi Interaksi Sosial Guru Perdana dalam Pengajaran Inklusif di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 72–82. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.7.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.7.2023>

ABSTRAK

Landskap Pendidikan Inklusif kini banyak dicorak oleh pelbagai deklarasi antarabangsa demi memastikan agenda serta pelaksanaannya kekal relevan dalam sistem pendidikan. Tidak dinafikan masih terdapat pelbagai kekangan sepanjang pelaksanaannya yang memerlukan strategi terbaik dan berkesan. Menerusi reka bentuk kajian kualitatif, pengkaji memberi fokus penerokaan ke atas strategi menghadapi cabaran dalam interaksi sosial guru dalam kelas inklusif di sekolah menengah di Selangor. Kajian rintis telah dilaksanakan terhadap tiga orang peserta kajian di sekolah A. Manakala, kajian sebenar melibatkan tujuh peserta kajian dari sekolah B dipilih secara persampelan bertujuan untuk turut serta dalam sesi temu bual dan pemerhatian yang berlangsung selama enam bulan. Protokol temu bual semi berstruktur dan senarai semak pemerhatian tidak turut serta merupakan instrumen yang digunakan pengkaji di lapangan. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 22. Hasil kajian menemukan empat tema yang muncul dalam strategi menangani cabaran interaksi sosial guru perdana dalam pengajaran iaitu guru mempelbagaikan pendekatan sokongan emosi murid, guru meningkatkan keberkesanan pedagogi, guru menambah baik penyampaian pedagogi dan guru membuka peluang interaksi di antara rakan sekerja dan pentadbir. Dapatan ini membolehkan pelbagai pihak berkepentingan untuk berkolaborasi menambah baik strategi sedia ada di samping mempromosikan agenda inovasi dalam Pendidikan Inklusif. Di akhirnya matlamat dan sasaran Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2025 menerusi gelombang ke 3 dapat dicapai dengan jayanya.

Kata Kunci: Strategi, interaksi sosial, guru perdana, inklusif

ABSTRACT

The landscape of Inclusive Education is now largely shaped by various international declarations to ensure that the agenda and its implementation remain relevant in the education system. There is no doubt that there are still various constraints throughout its implementation that require the best and most effective strategy. Through the design of a qualitative study, the researcher focuses on strategies to face challenges in the social interaction of teachers in inclusive classes in secondary schools in Selangor. A pilot study was carried out on three study participants at school A. Meanwhile, the actual study involved seven study participants from school B selected by sampling to participate in interview and observation sessions that lasted for six months. Semi-structured interview protocols and non-participant observation checklists are instruments used by researchers in the field. The findings of the study were analyzed using the Atlas.ti software 22. The results of the study found four themes that emerged in the strategy of dealing with the social interaction challenges of prime teachers in teaching, namely teachers

diversifying approaches to supporting students' emotions, teachers improving pedagogical effectiveness, teachers improving pedagogical delivery and teachers opening opportunities for interaction between colleagues and administrators. This finding allows various stakeholders to collaborate to improve existing strategies while promoting the innovation agenda in Inclusive Education. In the end, the goals and targets of the Malaysian Ministry of Education in the Malaysian Education Development Plan 2021-2025 through the 3rd wave can be successfully achieved.

Keywords: Strategy, social interaction, primary teacher, inclusive

PENGENALAN

Pelbagai inisiatif transformasi pendidikan telah dirancang, dilaksanakan serta ditambah baik bagi memastikan perkhidmatan pendidikan kekal relevan mengikut peredaran semasa. Terdapat pelbagai cabaran pendidikan yang wujud menuntut pelbagai pihak mencari strategi bagi menghadapinya. Malah Huang Xuefeng (2018) menegaskan bahawa perubahan dalam pendidikan memerlukan komitmen guru melakukan perubahan dari pelbagai aspek khususnya dalam pengajaran selain dari meningkatkan ilmu pengetahuan juga ketrampilan imej sendiri sebagai pendidik. Senada dengan Huang Xuefeng, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mengemukakan aspirasi ke atas semua pendidik untuk proaktif dalam meningkatkan potensi murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pendidikan untuk semua memberi suatu signal penting kepada guru untuk menyajikan pelbagai strategi pengajaran kepada murid khasnya Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan Inklusif telah memasuki Gelombang Ke 3 pelaksanaannya di mana pada fasa ini agen pelaksana Pendidikan Inklusif iaitu guru perdana, guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) termasuk barisan pentadbir giat mempromosikan hasil inovasi masing-masing di pelbagai peringkat baik di dalam mahupun di luar negara. Keadaan ini seharusnya membina masyarakat yang cakna dan prihatin dengan konsep Pendidikan Inklusif. Namun, aspirasi yang disasar untuk dicapai seolah terbatas yang dilaporkan dalam Buku Data Pendidikan Khas 2021 dimana jumlah enrolmen MBPK di dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) menunjukkan tren penurunan di peringkat persekolahan dan negeri di seluruh negara pada tahun 2021 sejumlah 16, 504 orang MBPK berbanding tahun sebelumnya iaitu 16,855.

Statistik keseluruhan enrolmen MBPK dalam PPI dari tren enrolmen menaik sejak dari tahun 2017, 2018, 2019 dan 2020 mengalami penurunan pada tahun 2021 dengan jumlah penurunan lebih 351 orang MBPK setahun. Paparan statistik ini sebagai panduan pengkaji meneroka strategi yang dilaksanakan guru perdana sama ada ia menyumbang kepada tren penurunan enrolmen MBPK inklusif. Kajian oleh Salleh Siti Fatimah & Che Omar Mustafa (2018) mendapati guru memiliki kefahaman pedagogi inklusif yang rendah di kelas inklusif. Dapatan ini disokong oleh kajian Norliah & Mohd Hanafi (2016) di mana sejumlah 60% guru masih menggunakan strategi PdP yang sama terhadap semua murid selain tidak memiliki pengetahuan tentang pedagogi inklusif. Justeru, dapatan ini membuka banyak peluang kepada pengkaji untuk meneroka pelbagai disiplin kajian berkaitan PI khususnya meneroka strategi terbaik yang boleh di implementasi dalam interaksi sosial guru perdana di dalam kelas.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka strategi yang digunakan guru perdana dalam menghadapi cabaran yang wujud dalam interaksi sosial sepanjang pengajaran mereka di kelas arus perdana.

KAJIAN LITERATUR

Interaksi sosial ialah satu bentuk aktiviti sosial yang dapat menghubungkan seseorang individu dengan individu lain secara lisan mahupun sebaliknya. Menurut tulisan O'Connor (1969) interaksi merujuk kepada tindak balas timbal balik terhadap tingkah laku pihak ketiga. Dengan merujuk kepada Model Interaksi Pengajaran oleh Hamre et al (2013) terdapat tiga domain alam interaksi guru dan murid iaitu sokongan emosi, pengurusan bilik darjah dan sokongan instruksional. Sokongan emosi yang dibincangkan melibatkan pembinaan iklim positif, pengurangan iklim negatif, pemberian penghargaan terhadap murid dan kawalan emosi. Sementara pengurusan bilik darjah melibatkan empat aspek iaitu pengurusan tingkah laku murid, produktiviti murid, pembelajaran instruksional dan gangguan di bilik darjah. Domain terakhir ialah sokongan instruksional. Terdapat empat aspek dinilai iaitu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kualiti maklum balas, model bahasa yang digunakan dan penggunaan pelbagai strategi instruksional.

Morrison K.E (2020) mengemukakan 3 domain sosial dalam interaksi sosial murid bukan tipikal iaitu kognisi sosial, kemahiran sosial dan motivasi sosial secara minimum. Semua domain ini membuat ramalan terhadap hasil interaksi sosial bagi murid autisme dan murid tanpa autisme. Berbeza dengan dapatan kajian Abdul Talib (2016) menjelaskan terdapat lima bentuk interaksi sosial murid iaitu kerjasama, pertukaran, persaingan, konflik bukan lisan dan komunikasi. Malah kajian ini disokong kajian Noran Fauzan Yaacob (1987) mendapati terdapat pelbagai bentuk interaksi sosial wujud berpunca dari pelbagai peranan seseorang individu di dalam situasi berbeza berbanding individu lain.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan emosi dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah
2. Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen pengurusan bilik dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah
3. Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan instruksional dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah.
4. Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan sosial dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah.

METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan kaedah penyelidikan bergantung kepada kesesuaian dan kesepadanan dengan persoalan kajian (Cresswell, 2003). Dalam konteks kajian ini kaedah kualitatif adalah sebuah penyelidikan yang melalui proses induktif dan relevan digunakan untuk meneroka maklumat dengan terperinci dan mendalam (Merriam, 2009). Malah, pengkaji turut menggunakan pendekatan kajian kes dalam kualitatif di mana ia melibatkan huraian terperinci berhubung individu atau setting yang diikuti dengan analisis data untuk membina tema (Cresswell, 2014).

Sementara Patton (2015) meletakkan kajian kes sebagai penerokaan ke atas sesebuah sistem yang terbatas sebagai sebuah kes di mana entiti kes tersebut meliputi unit empirikal (individu, keluarga mahupun organisasi) atau konstruk teoritikal (ketahanan dan kejayaan). Justeru, pendekatan ini amat sesuai dengan objektif kajian dalam meneroka strategi ke atas elemen sokongan emosi, pengurusan bilik darjah, sokongan instruksional dan sokongan sosial dalam pengajaran ke Murid Berkeperluan Pendidikan Khas arus perdana. Sebagaimana yang dicadangkan Yin (2014), kajian kes membuka ruang kepada pengkaji untuk meneliti beberapa maklumat penting dalam satu-satu masa. Ini bermakna pengkaji mempunyai ruang bagi meneliti setiap maklumat yang diperolehi untuk menggambarkan strategi yang digunakan guru perdana dalam menangani cabaran pengajaran kelas inklusif di sekolah menengah.

Sampel Kajian

Untuk memahami sesuatu kes perlu memilih individu yang memiliki kelayakan dan berupaya memberi maklumat yang diperlukan pengkaji (Morse&Richards, 2002). Hal ini selari dengan pernyataan Silverman (2013) di mana pengkaji kualitatif akan menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi mencapai objektif kajian. Ini kerana, pemilihan informan kajian adalah dilihat kepada keupayaan dan kemampuan mereka memberikan maklumat yang dikehendaki pengkaji. Justeru, dalam kajian ini pengkaji memilih tujuh orang guru perdana sekolah menengah yang terlibat dengan MBPK kelas inklusif sebagai peserta kajian dengan memiliki ciri yang homogen dan mampu memberi maklumat mendalam dalam mencapai objektif kajian (Cresswell,2013; Hosshan, 2022).

Intrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu set protokol temu bual semi struktur yang ditambahbaik dari instrumen CLASS-S oleh Hamre 2013. Penggunaan kaedah temu bual semi berstruktur lebih fleksibel untuk menjalankan temu bual secara mendalam (Cresswell, 2013). Instrumen ini memfokus kepada amalan Model Pengajaran Interaksi yang melibatkan sokongan emosi, pengurusan kelas, dan sokongan instruksional. Instrumen ini mengandungi 15 soalan tidak termasuk soalan *probing*. Soalan *probing* lazimnya dikemukakan kepada peserta kajian bagi mendapatkan maklumat tambahan lebih jelas dan mendalam (Cresswell, 2012). Instrumen ini telah disahkan oleh 5 orang pakar penilai sebelum diuji di lapangan rintis. Penambahbaikan instrumen dibuat sebelum digunakan ke atas peserta kajian di lapangan sebenar.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan instrumen senarai semak pemerhatian tidak turut serta. Instrumen ini bertindak sebagai sumber kedua bagi membolehkan triangulasi data dilakukan (Patton, 2015). Sebagai pemerhati tidak turut serta pengkaji tidak terlibat langsung dengan aktiviti PdPc guru perdana di dalam kelas. Walaubagaimanapun pengkaji terlebih dahulu memaklumkan kepada peserta kajian objektif kajian pemerhatian dilakukan dan menyatakan pengkaji hanya kekal sebagai pemerhati sahaja. Pengkaji akan merekod semua aktiviti yang berlaku dari belakang kelas. Sementara laporan yang dibuat pengkaji adalah daripada perspektif orang luar. Keadaan ini mengakibatkan terdapat jurang di antara pengkaji dan peserta kajian. Maka dapatan kajian yang diperoleh secara objektif semata-mata (Noraini Idris, 2013).


Prosedur Pengumpulan Data

Dua teknik pengumpulan data digunakan pengkaji iaitu temu bual dan pemerhatian. Data temu bual dan pemerhatian direkodkan menggunakan peranti elektronik seperti kamera, perakam suara dan juga telefon pintar. Sebaik sahaja rakaman dibuat pengkaji memindahkan segala maklumat ke storan komputer serta ke storan maya menggunakan *google drive*. Hal ini dilakukan bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan maklumat peserta kajian terjamin. Pengkaji perlu mematuhi semua etika penyelidikan dalam membina dan mengekalkan kepercayaan peserta kajian (Noraini Idris, 2013).

Kaedah Analisis Data

Semua data temu bual dan pemerhatian dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 22. Data temubual yang telah di transkrip terlebih dahulu akan diupload di dalam fail projek Atlas.ti yang telah dinamakan sebelum proses membina koding dilakukan. Sementara data pemerhatian rakaman video turut dimasukkan dalam fail projek yang sama. Sebaik sahaja selesai memasukan semua data temu bual dan pemerhatian peserta kajian, pengkaji memulakan usaha membina koding (Talib Othman, 2019) . Semua koding yang ditemukan diletak di dalam kategori tersendiri. Di akhirnya pengkaji menggunakan paparan rajah menggunakan *network mapping* untuk memberi gambaran secara visual yang lebih menarik. *Atlas.ti* merupakan suatu perisian yang memudahkan tugas menganalisis data dibuat secara cepat dan berkesan. Sebaik sahaja selesai membuat analisis menggunakan *Atlas.ti 22* pengkaji membuat pelaporan data.

DAPATAN KAJIAN



Rajah 1.1 Strategi Interaksi Sosial Guru Perdana Dalam Pengajaran Inklusif Di Sekolah Menengah

Tema 1: Guru Mempelbagaikan Pendekatan Sokongan Emosi Murid

Tema pertama kajian ini memberi lebih tumpuan ke atas sokongan emosi yang diberikan guru perdana kepada MBPK di kelas inklusif. Tema ini melihat kepada strategi guru mempelbagaikan pendekatan sokongan emosi murid menemukan tiga subtema di bawah tema 1 iaitu a. guru memberi sokongan emosi positif, b. guru mengaplikasikan kefahaman KPP dalam PdPc dan c. guru meningkatkan keyakinan murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memiliki inisiatif menyokong pembentukan emosi murid.

Tema 2: Guru Meningkatkan Keberkesanan Pedagogi

Sementara tema kedua lebih berfokus kepada pengurusan bilik darjah. Dalam kajian ini didapati tema ini muncul dari tindakan guru meningkatkan keberkesanan pedagogi. Tambahan pula tema ini turut mempamerkan lima sub tema di bawah tema 2 iaitu a. guru memilih strategi PdPc yang tepat, b. guru menilai keberkesanan pengajaran sendiri, c. guru melaksana amalan KPP dalam PdPc, d. guru mengenal pasti teknik pedagogi berkesan secara konsisten dan e. guru melaksanakan pelbagai aktiviti semasa PdPc. Pengkaji mendapati guru perlu meningkatkan keberkesanan pedagogi dengan lebih konsisten.

Tema 3: Guru Menambah Baik Penyampaian Pedagogi Guru

Manakala tema seterusnya ialah pemberian sokongan instruksional seperti guru menambah baik penyampaian pedagogi murid. Di dalam tema ini juga telah menemukan lima sub tema di bawah tema ke tiga iaitu a. guru meningkatkan sokongan pengajaran kepada murid, b. guru memahami impak KPP dalam kemahiran pedagogi, c. guru membuat refleksi pengajaran, d. guru sentiasa membuat penambah

baik pengajaran dan e. guru mengenal pasti faedah kepelbagaian strategi pengajaran. Guru membuat penambahbaikan penyampaian pedagogi namun ianya tidak bersifat interaktif di mana kaedah tradisional masih digunakan kebanyakan peserta kajian.

Tema 4: Guru Membuka Peluang Interaksi Di Antara Rakan Sekerja Dan Pentadbir

Tema terakhir ialah guru membuka peluang interaksi di antara rakan sekerja dan pentadbir. Ia merujuk kepada sokongan sosial yang diperlukan guru dalam amalan interaksi sosial guru di sekolah khususnya dalam pengajaran di bilik darjah. Tema ini membawa kepada penemuan dua subtema di bawah tema 4 iaitu a. guru mewujudkan interaksi dua hala di antara rakan sekerja dan b. guru berkongsi maklum balas dengan pentadbir. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa strategi ini membantu meningkatkan efikasi guru secara tidak langsung.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Walaupun terdapat pelbagai strategi yang dilaksanakan di dalam bilik darjah inklusif namun ianya masih sukar dilaksanakan (Darrow&Adamek,2018). Walau bagaimanapun usaha mencari strategi berkesan bagi menghadapi cabaran dalam interaksi sosial khususnya dalam pengajaran guru masih diperlukan bagi meningkatkan interaksi sosial di antara guru dan murid (Candraresmi&Kurniawati, 2018). Berikut adalah beberapa objektif kajian yang akan dibincangkan iaitu:

Objektif 1: Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan emosi dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah

Tema 1: Guru Mempelbagaikan Pendekatan Sokongan Emosi Murid

Guru perdana yang mengajar MBPK di arus perdana menyatakan perlu mempelbagaikan pendekatan sokongan emosi terhadap murid. Hal ini kerana ia merupakan cabaran yang kompleks sepanjang PdPc guru berlangsung di kelas inklusif (Hosshan, 2022; Moberg et al., 2020). Ia boleh berbentuk sokongan emosi dalaman atau luaran. Hasil dapatan kajian menemukan tiga subtema di bawah tema 1 iaitu:

a. guru memberi sokongan emosi positif

Sokongan positif seperti pujian, memberi ganjaran ke atas pencapaian terbaik murid, bertanya khabar dan seumpamanya adalah antara contoh sokongan emosi yang lazim dilakukan guru. Radfort, et al (2015) menyenaraikan tiga peranan guru dalam melaksanakan *Scaffolding* salah satunya ialah memberi sokongan kepada murid. Sokongan emosi yang mencukupi misalnya melancarkan hubungan interaksi di antara guru dan murid selain meningkatkan motivasi melaksanakan sesuatu tugas (Bowles et al., 2017).

b. guru mengaplikasi kefahaman KPP dalam PdPc

Dalam kajian ini terdapat guru yang tidak mengaplikasi kefahaman dan pengetahuan yang diperoleh dari KPP di dalam PdPc. Malah kebanyakan guru menggunakan pengajaran berpusatkan guru berbanding pengajaran berpusatkan murid. Dengan pemantauan dari mentor setiap bidang memungkinkan strategi KPP dapat diaplikasi secara maksima di dalam PdPc (Abdullah Zuraidah et al., 2016). Guru yang peka dan cakna manfaat KPP dalam pendidikan kini akan melihatnya sebagai salah satu strategi yang memberi kesan ke atas interaksi sosial guru perdana di arus perdana (Syed Abdullah,2020).

c. guru meningkatkan keyakinan murid

Guru dilihat memiliki keyakinan mengajar murid kelas inklusif menerusi temubual yang dilakukan. Aspek pembinaan keyakinan diri sama ada guru mahupun murid merupakan strategi yang dapat memenuhi fitrah semula jadi manusia. Perkara ini dilihat senada dengan objektif Program Pendidikan Inklusif untuk membantu membina keyakinan diri MBPK untuk mencapai potensi diri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b)

Objektif 2: Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen pengurusan bilik dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah

Tema 2: Guru Meningkatkan Keberkesanan Pedagogi

Pedagogi berkesan dilihat kepada keupayaan murid mencapai objektif pembelajaran yang terdapat dalam RPH guru. Untuk terus kekal relevan dalam sistem pendidikan kini, guru perlu sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan pendidikan (Khandelwal et al., 2020). Terdapat beberapa strategi yang telah dikongsikan peserta kajian iaitu:

a. guru memilih strategi PdPc yang tepat

Semua peserta kajian memilih strategi pilihan mereka sendiri. Ada di antara mereka menggunakan aktiviti berkumpul dalam pengajaran malah terdapat peserta kajian yang tidak memilih strategi PdPc dengan tepat mengakibatkan kawalan kelas lemah seperti murid bising. Justeru, pemilihan strategi PdPc mestilah tepat bergantung kepada pelbagai faktor persekitaran yang ada. Ia diperlukan agar guru mencapai objektif pembelajaran di dalam PdPc (Losberg&Zwozdiak-Myers, 2021).

b. guru menilai keberkesanan pengajaran sendiri

Keberkesanan pengajaran sendiri diukur apabila murid berjaya menyiapkan tugas secara individu mahupun berkumpul. Namun, ianya dilihat bukanlah suatu alat ukur yang baik dalam menilai potensi sebenar murid di dalam kelas. Kajian di Itali mendapati pemantauan serta penilaian ke atas Pendidikan Inklusif(PI) merupakan satu mekanisme berkesan dalam meningkatkan kualiti amalan PI (Ianes et al., 2020). Ini selari dengan dapatan kajian bahawa peserta kajian turut membuat penilaian ke atas pengajaran sendiri melalui maklum balas murid.

c.guru melaksana amalan KPP dalam PdPc

Amalan KPP di dalam PdPc memberi banyak kelebihan buat guru terutama dalam merancang persediaan pengajaran mengikut kesesuaian. Pengetahuan dan kefahaman yang baik semasa perkongsian KPP dijalankan mencetuskan idea baru guru mengemaskini kemahiran pengajaran dari masa ke semasa. Perkara ini selari dengan kenyataan Buli-Holmberg &Jeyaprathaban (2016) di mana PdPc di dalam kelas boleh diubahsuai dan berbeza dari kelas biasa. Guru perlu merancang dan melaksanakannya agar pengalaman interaksi yang sama dapat dinikmati semua murid di dalam kelas inklusif.

d. guru mengenal pasti teknik pedagogi berkesan secara konsisten

Keupayaan guru mengenal pasti teknik pedagogi yang memberi impak kepada murid perlu dibuat secara konsisten. Ini bagi membolehkan pembudayaan pengajaran berkesan menjadi kelaziman guru tanpa membebankan guru. Dapatan kajian mendapati guru hanya menggunakan strategi ini untuk dicerap sahaja. Sedangkan pada waktu biasa rutin pedagogi guru menggunakan teknik *chalk and talk*. Kajian oleh Falvell dan Piaget (1963) membuktikan bahawa seseorang itu menguasai sesuatu perkara melalui kekerapan pengulangan aktiviti. Akibatnya individu berkenaan bermotivasi tinggi untuk melaksanakan tugas lebih baik lagi.

e. guru melaksanakan pelbagai aktiviti semasa PdPc

Antara pendekatan yang sering digunakan peserta kajian semasa PdPc ialah melibatkan murid dalam perbincangan kumpulan dan pembentangan berkumpulan. Sepanjang pemerhatian dilaksanakan masih terdapat murid yang tidak terlibat dalam PdPc sepenuhnya. Walau bagaimanapun peserta kajian dilihat cuba mempelbagaikan aktiviti semasa PdPc menerusi aktiviti berkumpulan. Peserta kajian dilihat perlu lebih kreatif dalam menjayakan aktiviti berkumpulan yang menarik dan pelbagai di kelas inklusif (Haris&Khairuddin, 2021).

Objektif 3: Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan instruksional dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah.

Tema 3: Guru Menambah Baik Penyampaian Pedagogi Guru

Darrow&Adamek (2018) menyatakan strategi kolaboratif di dalam kelas inklusif sukar dilaksanakan namun kajian-kajian terkini seperti kajian oleh Haris&Khairuddin (2021) masih membincangkan mengenai pelbagai strategi yang diambil guru untuk menambah baik penyampaian pedagogi. Strategi menambah baik penyampaian pedagogi yang dikongsikan peserta kajian dalam siri temu bual menemukan lima sub tema di bawah tema ke tiga iaitu:

a. guru meningkatkan sokongan pengajaran kepada murid

Majoriti peserta kajian memerlukan bantuan dari segi sokongan pengajaran yang melibatkan keperluan internet berkelajuan tinggi, kemudahan pengajaran tersedia lengkap, nisbah murid yang bersesuaian dengan saiz kelas serta peningkatan guru pakar di sekolah. Bukan guru sahaja mendambakan sokongan pengajaran malah murid turut memerlukannya. Clara (2017) menjelaskan bahawa Zon Perkembangan Proximal(ZPD) merupakan satu siri tugas yang sukar dikuasai murid namun mereka berupaya melaksanakannya dengan sokongan individu lain seperti guru atau rakan yang lebih mahir.

b. guru memahami impak KPP dalam kemahiran pedagogi

Kefahaman guru tentang impak KPP dalam meningkatkan kemahiran pedagogi membolehkan guru memantapkan persediaan sikap dan keterbukaan guru untuk menerima perubahan. Hal ini disokong oleh kajian Haris & Khairuddin (2021) di mana terdapat guru yang memerlukan latihan agar dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi di bilik darjah inklusif. Sikap peduli dan cakna terhadap kemahiran pedagogi yang dimiliki membolehkan lebih ramai guru cemerlang dilahirkan saban masa.

c. guru membuat refleksi pengajaran

Majoriti peserta guru menyatakan mereka membuat refleksi dengan hanya melihat kepada kejayaan murid melakukan tugas dalam PdPc. Pengkaji mendapati guru tidak membuat refleksi pengajaran secara khusus. Sebaliknya menulis dengan umum sahaja bahagian refleksi RPH guru. Hal ini menyukarkan guru mengimbas kembali kelemahan pengajaran yang perlu ditambahbaik. Sebagaimana yang dinyatakan Ertesvag (2021) dalam kajiannya tindakan guru memberi tunjuk ajar secara konsisten serta maklum balas dalam PdPc sebagai satu usaha guru membuat refleksi pengajaran.

d. guru sentiasa membuat penambahbaikan pengajaran

Dapatan kajian mendapati semua peserta kajian mempunyai inisiatif membuat penambahbaikan pengajaran masing-masing. Hal ini dilihat terhadap data temu bual peserta kajian. Namun, dari segi pemerhatian di lapangan segelintir peserta kajian yang kelihatan membuat penambahbaikan dalam pengajaran. Justeru, adalah penting guru membuat penambahbaikan pedagogi dengan menggunakan pelbagai aktiviti sepanjang PdPc (Young et.al.,2017).

e. guru mengenal pasti faedah kepelbagaian strategi pengajaran

Majoriti peserta kajian dapat mengenalpasti faedah kepelbagaian strategi pengajaran terhadap murid dan guru. Mereka sedar dengan faedah berkenaan ia dapat membentuk stigma dan persepsi mula guru untuk berani mencuba strategi pengajaran terkini malah menarik minat mereka untuk menghasilkan produk inovasi khususnya dalam Pendidikan Inklusif. Selain itu, ia memberi idea kaedah pengajaran menarik dan menyeronokkan agar MBPK dapat memberi focus di dalam pembelajaran mereka (Maarof&Jalaludin, 2019).

Objektif 4: Meneroka strategi interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan sosial dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah.

Tema 4: Guru Membuka Peluang Interaksi Di Antara Rakan Sekerja Dan Pentadbir

Model Ekologi Sosial Bronfenbrenner (1979) memberi gambaran kepada keperluan interaksi sosial guru memerlukan sokongan sosial dari lima lapisan sosial manusia. Malah ianya saling berkaitan serta berinteraksi di antara satu dengan yang lain. Justeru, tema terakhir membawa kepada penemuan dua subtema di bawah tema 4 iaitu:

a. guru mewujudkan interaksi dua hala di antara rakan sekerja

Membina kesepakatan dalam rutin pekerjaan harian terhasil dengan interaksi dua hala secara positif di kalangan rakan sekerja. Menurut Hishamudin A et al (2020) semua guru dalam pelbagai disiplin perlu berusahassama menyediakan perkhidmatan sokongan yang diperlukan MBPK di kelas inklusif. Dapatan temu bual dan pemerhatian mendapati guru hanya berkongsi perihal PdPc secara aktif di dalam KPP. Inisiatif guru bersama rakan sekerja mengajar murid kurang diamalkan berikutan kekangan jadual waktu mengajar guru. Malah, kolaborasi di antara guru perdana dan guru pendidikan khas membuka banyak peluang pembelajaran kepada MBPK dalam menonjolkan potensi diri (Somma Monique&Bennett Sheila, 2020).

b. guru berkongsi maklum balas dengan pentadbir

Tindakan guru perdana berkongsi maklum balas dengan pentadbir membolehkan pentadbir lebih cakna dengan segala tuntutan dan keperluan guru dengan segera. Malah tindakan ini memberi nilai tambah dalam interaksi guru dengan pentadbir. Kajian oleh Nordin Mohd Norazmi et al., (2021) mendapati tahap kepimpinan guru besar yang tinggi turut meningkatkan komitmen kerja para guru. Hubungan positif ini melancarkan operasi sekolah yang melaksanakan Pendidikan Inklusif.

KESIMPULAN

Amalan tatakelola sesuatu strategi yang berkesan perlu disandarkan dengan kewujudan hubungan interaksi sosial positif dalam kitaran sosial organisasi pendidikan seperti sekolah. Ia melibatkan semua pemegang taruh seperti MBPK, murid tipikal, guru, ibu bapa, pentadbir, kumpulan sokongan sekolah serta komuniti. Pendidikan Inklusif wajar dilihat sebagai pemangkin aktiviti inovasi di kalangan agen pelaksana khususnya guru kerana mereka adalah individu hampir dengan persekitaran Inklusif sebenar. Selain itu, kajian kualitatif ini perlu dimurnikan dengan kajian kuantitatif mahupun kajian *mix method* agar ia dapat dijadikan rujukan ilmiah buat pengkaji akan datang khususnya. Malah, kajian tempatan juga luar negara dilihat mampu mempengaruhi trend kajian akan datang dalam menghasilkan kajian berimpak tinggi.

RUJUKAN

- Abdullah Zuraidah et al. (2016). Pemerkasaan guru Bahasa Melayu melalui penyeliaan kembang tumbuh dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di lima sekolah menengah daerah Kuala Lipis. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2),42-59
- Abdul Talib Hashim (2016). Social Interaction among Multi-Ethnic Students. *Canadian Center of Science and Education*. 47-58
- Bowles, D., Radford, J., & Bakopoulou, I. (2017). Scaffolding as a key role for teaching assistants: Perceptions of their pedagogical strategies. *British Journal of Educational Psychology*, 88(3)499-512
- Bronfenbrenner Urie. (1979). *The Ecology of Human Development Experiments By Nature And Design*. Harvard University Press.
- Buli-Holmberg, J., &Jeyaprabhan, S. (2016). effective practice in inclusive and special needs education. *International Journal of Special Education*, 31(1), 119-134
- Candraesmi, Y., &Kurniawati, F. (2018). Challenges to facilitating social interaction among students in the inclusive classroom: Relationship between teachers' attitudes and their strategies. *Diversity in Unity: Perspectives from Psychology and Behavioral Sciences*, 247-254
- Clara, M.. (2020). How Instruction Influences Conceptual Development: Vygotsky's Theory Revisited. *Educational Psychologist*, 52(1), 50-62
- Cresswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed). Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Cresswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design. Choosing among five approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Darrow, A.A., & Adamek, M. (2018). Instructional Strategies for the Inclusive Music Classroom. *General Music Today*, 1-5
- Ertesvag, S. K., (2021). Exploring improvement in teachers' instructional support: classifying and analyzing patterns of change in a national initiative on classroom management. *International Journal of Leadership in Education*, 24(4), 533-557
- Falvell, J.H., Piaget, J (1963). *The Developmental Psychology of Piaget*. Litton Educational Publishing
- Haris, H.B., &Khairuddin, K. F. (2021). Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2),197-210
- Hishamudin A, Siti RA, Mohd Nazir M Z., Kama S, & Y.F.H. (2020). *Pendidikan Inklusif di Malaysia (Pertama)*. UPSI
- Hosshan, H. (2022). Perspectives of teachers on supporting the participation of students with learning disabilities in inclusive secondary schools: A qualitative study. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 37(1), 47–59. <https://doi.org/10.21315/apjee2022.37.1.3>
- Ianes, D., Demo, H., &Dell Anna, S. (2020). Inclusive education in Italy: Historical steps, positive developments and challenges. *Prospects*, 49(3-4),249-263
- Khandelwal, R., Kolte, A., Pawar, P., &Martini, E. (2020). Breaking out of your comfort zone:an archival research on epistemology in incusive education pedagogy for industry 4.0. *International Journal of Educational Management*.
- Losberg, J., & Zwozdiak-Myers, P. (2021). Inclusive pedagogy through the lens of primary teachers and teaching assistants in England. *International Journal of Inclusive Education*, 1-22
- Maarof, M.&Jalaludin, N.S(2019). The Implementation of Pedagogical Strategies in Inclusive Education Program for Pupils With Special Needs Among Mainstream Teachers: A Case Study. *Journal Pendidikan Bitara*, 12(ISSN 1394-7176),29-38
- Moberg, S., Muta, E., Korenaga, K., Kuorelahti, M., & Savolainen, H. (2020), Struggling for inclusive education in Japan and Finland: teachers attitudes towards inclusive education. *European Journal of Special Needs Education*.
- Morrison K.E. (2020) Social Cognition, Social Skill, and Social Motivation Minimally Predict Social Interaction Outcomes for Autistic and Non-Autistic Adults. *Frontiers in Psychology*
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Edisi Kedua), McGraw Hill Education.
- Noran, F.Y. (1987). *Pengantar sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Nordin Mohd Norazmi, Mustafa Mohamad Zaid, & Abdul Razak Abdul Rasid. (2020). Regression between headmaster leadership, task load and job satisfaction of special education integration program teacher. *Universal Journal of Educational Research*, 8(4), 1356-1362
- Hamre, B.K., Pianta (2013). Teaching through interactions: Testing a developmental framework of teacher effectiveness in over 4,000 classrooms. *Elementary School Journal*, 113(4), 461-487
- Haris, H. B., & Khairuddin, K. F. (2021). Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2) 197-210

- Huang Xuefeng. (2018) Teacher Education in Professional Learning Communities: Lessons from the Reciprocal Learning Project. *In Frontiers of Education in China* (Vol. 15, Issue 3). Palgrave MacMillan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013) Malaysia Education Blueprint 2013-2025. In Education (Issue 1). Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif). In *Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia* (Pertama). Bahagian Pendidikan Khas
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Morse, J. M., & Richards, L., (2002). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Norliah Mohd Amin, & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016). Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam pelan pembangunan pendidikan malaysia 2013-2015. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6*.
- O'Connor R.D., (1969) Modification of social withdrawal through symbolic modelling. *Journal of Applied Behavior Analysis*, 2(1), 15-22
- Patton, Q. M. (2015). *Qualitative research and evaluation method* (4th ed), Thousand Oaks, CA, Sage Publications Inc.
- Salleh Siti Fatimah, & Che Omar Mustafa. (2018). Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 243-263
- Somma Monique, & Bennett Sheila (2020). Inclusive Education and Pedagogical Change: Experiences from the Front Lines. *International Journal of Educational Methodology*, 6(2), 285-295
- Syed Abdullah, S. S. Z. (2020). Pengaruh Kepimpinan Distributif Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Pemimpin Sekolah Menengah Di Negeri Johor. *Sains Humanika*, 12(2-2), 15-25
- Talib Othman (2019). *Analisis Data Kualitatif Dengan ATLAS.ti 8* Penerangan lengkap langkah demi langkah (Pertama). Universiti Putra Malaysia.
- Young, K., Mannix McNamara, P., & Coughlan, B. (2017). Post-primary school teachers' knowledge and understanding of autism spectrum disorders. *Irish Educational Studies*.